

Penggera asap

Dari segi undang-undang, semua tempat kediaman di Victoria mesti mempunyai sekurang-kurangnya satu penggera asap yang dipasang pada setiap tingkat rumah mereka.

FRV dan CFA menyarankan penggera asap dengan bateri litium yang boleh bertahan selama 10 tahun dalam ruang tahan hentak.

- Semua penggera asap di rumah anda harus saling bersambungan.
- Penggera asap tersebut boleh berfungsi sendiri (tidak disambungkan kepada kuasa sesalur 240v) atau disambungkan dengan wayar kekal (disambungkan kepada kuasa sesalur 240v).



Bulanan

- Tekan butang ujian untuk memastikan unit itu berfungsi
- Tahan sehingga penggera itu mengeluarkan tiga kali bunyi bip

Tahunan

- Buang habuk atau lapkan dengan perlahan di sekeliling penutup penggera asap
- Sekiranya anda memiliki penggera asap yang menggunakan bateri 9v, gantikan bateri tersebut setiap tahun

Gantikan Setiap 10 Tahun

- Semua penggera asap (dipasang wayar keras dan berfungsi sendiri) perlu digantikan



**FIRE
RESCUE
VICTORIA**




Di mana harus saya pasang penggera asap?

- Penggera asap harus dipasang pada siling yang terletak sekurang-kurangnya 30 cm dari dinding.
- Penggera asap mesti dipasang antara setiap kawasan tempat tidur dan kawasan rumah yang selebihnya.
- Australian Fire Services (Perkhidmatan Bomba Australia) menyarankan penggera asap dipasang pada semua ruang tamu, lorong laluan dan bilik tidur, atau di mana-mana tempat orang tidur.
- Penggera asap mesti mematuhi Piawaian Australia (Australian Standard) AS3786.



 Mesti terletak antara kawasan tempat tidur dan kawasan rumah yang selebihnya

 Tempat tambahan yang boleh anda pasang untuk memberikan perlindungan tambahan



Penggera asap yang berfungsi sahaja boleh menyelamatkannya.

Sila imbas di sini untuk mendapatkan butiran lanjut tentang penggera asap.



Untuk maklumat lanjut tentang Keselamatan dari Kebakaran, sila layari frv.vic.gov.au/cfa.vic.gov.au